(M)Pembedahan Sehari Penjagaan selepas pembedahan sehingga 60 hari.				
(N)Penjagaan Di Rumah Selepas Penghospitalan sehingga 26 minggu selepas keluar hospital				
(O)Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan Dan Kecemasan dalam jangka masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan dan rawatan susulan sehingga 60 hari (90 hari bagi Pelan D)				
(P) Perlindungan Rawatan Pergigian bagi Kemalangan dan Kecemasan dalam jangka masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan dan rawatan susulan sehingga 14 hari				
(Q) Rundingan Kedua Pakar (tempatan sahaja) dalam jangka masa 30 hari sebelum kemasukan (60 hari bagi Pelan D)				

MANFAAT-MANFAAT	PELAN A (RM)	PELAN B (RM)	PELAN C (RM)	PELAN D (RM)
(R) Rawatan Perubatan Alternatif Pesakit Luar Akibat Kemalangan Perbelanjaan rawatan tradisional untuk kecederaan yang dilindungi dan rawatan susulan sehingga 14 hari selepas tarikh kemalangan dengan syarat rawatan pertama yang diterima adalah di hospital atau klinik berdaftar.	50 setiap lawatan, sehingga 1,000 setiap tahun.			
(S) Yuran Laporan Perubatan	100			
(T) Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan, sehingga 120 hari (150 hari bagi Pelan D)	100			
(U) Elaun Nutrisi Pembayaran sekaligus untuk pembelian ubat-ubatan komplementari, ubat-ubatan tambahan, vitamin-vitamin atau herba-herba nutrisi dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan telah dihospitalkan untuk kecederaan yang dilindungi sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut.	500 setiap kemasukan, sehingga maksimum 2,000 setahun.			
(V) Elaun Penjagaan Ehsan Bayar jika Orang Yang Diinsuranskan telah dihospitalkan untuk kecederaan yang dilindungi sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut.	50 sehari, sehingga maksimum 1,500 setahun.			
HAD TAHUNAN KESELURUHAN BAGI SEKSYEN 1	50,000	100,000	150,000	200,000

SEKSYEN 2 (TAMBAHAN KEPADA HAD TAHUNAN KESELURUHAN TETAPI TERTAKLUK KEPADA HAD SEUMUR HIDUP)				
(A) Transplan Organ Kos pembedahan untuk transplan buah pinggang, jantung, paru-paru, hati, sum-sum tulang, tisu atau sel (termasuk sel stem), tidak termasuk kos yang ditanggung oleh penderma atau kos pemerolehan organ atau tisu-tisu dan sel-sel.	20,000	30,000	40,000	50,000
(B) Rawatan Kanser Pesakit Luar	20,000	30,000	40,000	50,000
(C) Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	20,000	30,000	40,000	50,000
(D) Rawatan Strok Pesakit Luar	20,000	30,000	40,000	50,000
HAD SEUMUR HIDUP (SEKSYEN 1 & 2)	200,000	400,000	600,000	800,000

MANFAAT-MANFAAT	PELAN A (RM)	PELAN B (RM)	PELAN C (RM)	PELAN D (RM)
Perlindungan Opsyenal untuk Rawatan di Singapura (dengan premium tambahan) Memperluaskan perlindungan untuk rawatan di Singapura bagi Seksyen 1 - Manfaat Hospital dan Perkhidmatan Berkaitan. Had Tahunan Keseluruhan bagi Seksyen 1	75,000	150,000	225,000	300,000
HAD SEUMUR HIDUP (SEKSYEN 1 & 2)	375,000	750,000	1,125,000	1,500,000

PERINGKAT OPSYENAL DEDUKTIBEL (SEKSYEN 1 & 2)	2,500 atau 5,000 atau 10,000 atau 15,000 atau 20,000 atau 30,000 atau 40,000 atau 50,000
--	---

SEKSYEN 3 - MANFAAT-MANFAAT OPSYENAL				
(A) Manfaat Penyakit Kritikal (8 Jenis) Membayar sekaligus jika anda didiagnos dengan kanser, pembedahan pintasan arteri koronari, serangan jantung, kegagalan buah pinggang, penyakit motor neuron, sklerosis multipel, Penyakit Parkinson atau strok sebagaimana yang ditakrifkan dalam Polisi dan terus hidup lebih daripada 14 hari selepas didiagnos.	PELAN 1 (RM)	PELAN 2 (RM)	PELAN 3 (RM)	PELAN 4 (RM)
	25,000	50,000	100,000	200,000
(B) Manfaat Kehamilan (setiap kehamilan setiap tempoh insurans) Rawatan untuk ibu sebelum bersalin, semasa bersalin dan selepas bersalin. Tertakluk kepada tempoh menunggu 365 hari daripada tarikh bermulanya perlindungan di bawah manfaat ini. Kelahiran Biasa Kelahiran Rumit Keguguran (atau pengguguran akibat kemalangan)	PELAN 1 (RM)		PELAN 2 (RM)	
	3,000		5,000	
	5,000		10,000	
	3,000		5,000	

Premium Tahunan Dalam Ringgit Malaysia

Sekysen 1 & 2 **KADAR BAHARU**

Premium Tahunan berkuat kuasa mulai 2 Ogos 2024

KUMPULAN UMUR	PELAN A (RM)	PELAN B (RM)	PELAN C (RM)	PELAN D (RM)
15 hari - 18	510	654	796	908
19 - 29	594	763	929	1,060
30 - 34	679	872	1,062	1,211
35 - 39	764	981	1,194	1,363
40 - 44	849	1,090	1,327	1,514
45 - 49	1,104	1,417	1,725	1,968
50 - 54	1,359	1,743	2,123	2,422
55 - 59	1,698	2,179	2,654	3,028
60 - 64 (pembaharuan sahaja)	2,548	3,269	9,981	4,542
65 - 69 (pembaharuan sahaja)	3,397	4,359	5,308	6,056
70 - 74 (pembaharuan sahaja)	4,246	5,448	6,635	7,570
75 - 80 (pembaharuan sahaja)	5,095	6,538	7,962	9,084

MANFAAT OPSYENAL PENYAKIT KRITIKAL KADAR BAHARU (PREMIUM TAHUNAN BERKUAT KUASA MULAI 2 OGOS 2024 DAN SETERUSNYA)				
KUMPULAN UMUR	PELAN 1 (RM)	PELAN 2 (RM)	PELAN 3 (RM)	PELAN 4 (RM)
15 hari - 18	13	26	51	101
19 - 29	27	54	108	215
30 - 34	46	91	182	364
35 - 39	77	153	305	610
40 - 44	137	273	545	1,089
45 - 49	208	415	829	1,658
50 - 54	297	593	1,185	2,370
55 - 59	419	837	1,674	3,347
60 - 64 (pembaharuan sahaja)	605	1,209	2,417	4,834
65 - 69 (pembaharuan sahaja)	995	1,990	3,980	7,960
70 - 74 (pembaharuan sahaja)	1,519	3,038	6,076	12,151
75 - 80 (pembaharuan sahaja)	2,429	4,858	9,716	19,432

MANFAAT OPSYENAL KEHAMILAN (PREMIUM TAHUNAN BERKUAT KUASA MULAI 2 OGOS 2024 DAN SETERUSNYA)		
KUMPULAN UMUR	PELAN 1 (RM)	PELAN 2 (RM)
Semua Usia	713	1,225

MANFAAT PERLINDUNGAN OPSYENAL UNTUK RAWATAN DI SINGAPURA (PREMIUM TAHUNAN BERKUAT KUASA MULAI 2 OGOS 2024 DAN SETERUSNYA)				
KUMPULAN UMUR	PELAN A (RM)	PELAN B (RM)	PELAN C (RM)	PELAN D (RM)
15 hari - 18	304	374	470	568
19 - 29	376	465	594	724
30 - 34	589	744	966	1,188
35 - 39	750	954	1,245	1,538
40 - 44	836	1,065	1,391	1,718
45 - 49	918	1,170	1,532	1,894
50 - 54	997	1,276	1,672	2,070
55 - 59	1,158	1,484	1,952	2,419
60 - 64 (pembaharuan sahaja)	1,324	1,700	2,236	2,773
65 - 69 (pembaharuan sahaja)	2,500	3,233	4,281	5,328
70 - 74 (pembaharuan sahaja)	3,641	4,722	6,266	7,811
75 - 80 (pembaharuan sahaja)	6,320	8,215	10,925	13,632

JUMLAH DEDUKTIBEL [^] UNTUK SETIAP ORANG YANG DIINSURANSKAN BAGI SETAHUN (RM)	FAKTOR DISKAUN
2,500	10%
5,000	20%
10,000	30%
15,000	40%
20,000	50%
30,000	60%
40,000	65%
50,000	70%

[^] Amaun deduktibel dan diskaun tidak dipakai untuk Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Kehamilan.

Pengiraan premium

Contoh 1

Berikut adalah premium tahunan yang perlu dibayar berdasarkan 3 ahli keluarga dilindungi di bawah Pelan A.

Encik Wong - 33 tahun, Puan Wong - 29 tahun, Junior Wong - 1 tahun

MANFAAT HOSPITAL & PERKHIDMATAN	AGE	PREMIUM (RM)
Encik Wong	33	679.00
Puan Wong	29	594.00
Junior Wong	1	510.00
Jumlah Premium Asas		1,783.00
RM20,000 deduktibel - 50% diskaun		(891.50)
Diskaun Pembaharuan - 10% diskaun		NA
Diskaun Keluarga - 10% diskaun		(89.15)
A. Premium Selepas Diskaun Deduktibel, 10% Diskaun Pembaharuan & 10% Diskaun Keluarga		802.35
MANFAAT OPSYENAL PENYAKIT KRITIKAL		
Encik Wong	33	46.00
Puan Wong	29	27.00
Junior Wong	1	13.00
B. Jumlah Premium untuk Opsyenal Penyakit Kritikal		86.00
TOTAL PREMIUM PAYABLE		
Jumlah A + B		888.35
Duti Setem		10.00
Jumlah Keseluruhan Premium		898.35

Contoh 2

Berikut adalah premium tahunan yang perlu dibayar berdasarkan 3 ahli keluarga dilindungi di bawah Pelan A dengan opsyen untuk melanjutkan perlindungan untuk rawatan di Singapura.

Encik Wong - 33 tahun, Puan Wong - 29 tahun, Junior Wong - 1 tahun

MANFAAT HOSPITAL & PERKHIDMATAN	AGE	PREMIUM (RM)
PELAN ASAS		
Encik Wong	33	679.00
Puan Wong	29	594.00
Junior Wong	1	510.00
Jumlah Premium Asas		1,783.00
RM20,000 deduktibel - 50% diskaun		(891.50)
Diskaun Pembaharuan - 10% diskaun		NA
Diskaun Keluarga - 10% diskaun		(89.15)
A. Premium Selepas Diskaun Deduktibel, 10% Diskaun Pembaharuan & 10% Diskaun Keluarga		802.35
MANFAAT OPSYENAL PENYAKIT KRITIKAL		
Encik Wong	33	46.00
Puan Wong	29	27.00
Junior Wong	1	13.00
B. Jumlah Premium untuk Opsyenal Penyakit Kritikal		86.00
MANFAAT PERLINDUNGAN OPSYENAL UNTUK RAWATAN DI SINGAPURA		
Encik Wong	33	589.00
Puan Wong	29	376.00
Junior Wong	1	304.00
Jumlah Premium ke atas Perlindungan Opsyenal untuk Rawatan di Singapura		1,269.00
RM20,000 deduktibel - 50% diskaun		(634.50)
C. Jumlah Premium bagi Perlindungan Opsyenal untuk Rawatan di Singapura		634.50
JUMLAH PREMIUM PERLU DIBAYAR		
Jumlah A + B + C		1,522.85
Duti Setem		10.00
Jumlah Keseluruhan Premium		1,532.85

Pengecualian am

- ✗ Penyakit sedia ada.
- ✗ Penyakit Tertentu yang berlaku dalam 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan. Penyakit Tertentu bermaksud kehilangan upaya serta komplikasi yang berkaitan:
 - Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular.
 - Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari.
 - Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak.
 - Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele.
 - Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan.
 - Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.
- ✗ Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terakhir, kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan. Bagi Manfaat Kehamilan Opsyenal, tempoh menunggu adalah 365 hari.
- ✗ Pembedahan plastik/kosmetik, khitan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- ✗ Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- ✗ Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- ✗ Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- ✗ Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan (kecuali didefinisikan di bawah Manfaat Bersalin), disfungsi erektile dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
- ✗ Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Kehilangan Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- ✗ Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.

- ✗ Peperangan atau apa-apa tindakan peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
- ✗ Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- ✗ Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya tetapi tidak tertakluk kepada penggunaan Transplan Sel Induk (kecuali yang didefinisikan di bawah Manfaat Transplan Organ).
- ✗ Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropratik, akupunktur, akuteknanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain (kecuali yang didefinisikan di bawah Manfaat Rawatan Perubatan Alternatif Pesakit Luar akibat Kemalangan).
- ✗ Jagaan atau rawatan yang mana pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang Yang Diinsuranskan dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
- ✗ Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- ✗ Kos/perbelanjaan bagi perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- ✗ Kesakitan atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan berlari dan berjalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan professional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
- ✗ Penerbangan peribadi kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual yang berlesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- ✗ Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina.

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.

Nota-nota penting



- Premium ditetapkan berdasarkan usia anda (tahun kelahiran) semasa memohon dan jenis Pelan yang dipilih. Premium yang ditunjukkan adalah untuk penduduk Malaysia yang tinggal di Malaysia. Semasa pembaharuan, kadar premium akan dinaikkan sekiranya anda memasuki julat usia baru.
- Premium mungkin dinaikkan bagi bukan warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia atau Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam pekerjaan atau aktiviti sukan yang berbahaya, atau bagi mereka yang melawat atau menetap di kawasan-kawasan terpencil, atau mempunyai masalah kesihatan.
- Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium yang mesti dibayar telah pun dibayar.
- Polisi ditetapkan secara pembaharuan setiap tahun dan premium akan disesuaikan secara berkala oleh Syarikat.
- Polisi boleh diperbaharui atas pilihan pemegang Polisi. Premium pembaharuan yang perlu dibayar adalah tidak tetap dan MSIG berhak untuk menentukan premium yang dibayar khusus ke atas setiap Orang Yang Diinsuranskan semasa pembaharuan secara bertulis dalam masa 30 hari daripada Syarikat.
- Pelan Deduktibel ditujukan kepada Seksyen 1, 2 dan manfaat Opsyenal Rawatan di Singapura.
- Diskaun Pembaharuan* dan Diskaun Keluarga* ditujukan kepada Seksyen 1 dan 2 sahaja.
- Kemudahan "cashless" tidak boleh diguna pakai jika anda memohon opsyen deduktibel berperingkat, termasuk manfaat Opsyenal Rawatan di Singapura.
- Risalah ini mengandungi ringkasan manfaat-manfaat utama dan pengecualian Polisi tetapi adalah tidak lengkap dengan menyeluruh. Terma-terma penuh ditetapkan oleh Kontrak Polisi itu sendiri, dan Sijil yang diisukan kepada setiap ahli. Salinan Kontrak Polisi boleh didapatkan atas permintaan.
- Anda harus memenuhi diri sendiri yang Polisi ini adalah terbaik bagi diri anda dan premium yang dibayar adalah amaun yang anda mampu bayar.
- Anda boleh meminta untuk melihat Polisi insurans sebenar sebelum anda membeli insurans ini. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan MSIG untuk bantuan.
- Pelan pembayaran ansuran adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan.
- Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.
- Jika terdapat sebarang konflik mengenai kandungan di antara versi Bahasa Inggeris dengan terjemahannya di dalam risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

*Tidak diguna pakai ke atas premium bagi Perlindungan Opsyenal untuk Rawatan di Singapura.

Jawapan kepada soalan-soalan yang kerap ditanya oleh anda

1. Berapakah premium yang perlu saya bayar untuk insurans ini?

Sila rujuk Jadual Premium (bagi penduduk Malaysia) di dalam risalah ini. Premium bergantung kepada usia sekarang (tahun kelahiran) dan tahap perlindungan.

Terma yang berlainan akan diguna pakai ke atas:

- a) Penduduk bukan warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia;
- b) Mereka yang terlibat dalam kerja atau sukan yang berbahaya;
- c) Mereka yang melawat atau tinggal di daerah terpencil/pedalaman;
- d) Mereka yang menghadapi masalah kesihatan sedia ada.

2. Siapakah yang layak untuk memohon?

Sesiapa yang diterima oleh Syarikat yang berusia dari 15 hari sehingga 59 tahun semasa permohonan pertama. Perlindungan boleh diberikan selepas umur 59 tahun, dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan telah berdaftar dengan Pelan ini sebelum umur tersebut dan selepas itu beliau tetap terus dilindungi, sampai usia maksimum 80 tahun.

Seorang kanak-kanak berusia dari 15 hari sehingga 18 tahun yang tidak berkahwin dan bergantung daripada segi kewangan kepada Pemegang Polisi atau sehingga 23 tahun jika masih meneruskan pendidikan sepenuh masa dan belum bekerja boleh diinsuranskan bersama dengan sekurang-kurangnya seorang ibu bapa.

3. Apakah Penyakit Sedia Ada?

Penyakit Sedia Ada bermaksud kehilangan upaya yang diketahui dengan sewajarnya oleh Orang Yang Diinsuranskan. Orang Yang Diinsuranskan dianggap mengetahui dengan sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

- Orang Yang Diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- Gejala yang jelas dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- Kewujudannya dapat dilihat dengan jelas bagi orang yang selayaknya mengalami keadaan itu.

4. Sejauh manakah liputan perlindungan dari sudut geografi?

Manfaat tidak akan diberikan jika anda tinggal atau mengembara di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut. Namun, ini tidak diguna pakai ke atas anda jika anda berada di Singapura bagi tujuan mendapatkan rawatan perubatan dan tertakluk kepada anda yang telah membuat bayaran premium tambahan untuk Perlindungan Opsyenal Rawatan di Singapura.

5. Bolehkan saya menjalani perubatan di luar negara?

Boleh. Tetapi, ia tertakluk kepada bayaran perubatan yang biasa dikenakan di Malaysia dan tertakluk kepada pengecualian kos pengangkutan. Bagi rawatan di Singapura*, pembayaran balik caj yang dikenakan untuk Rawatan Perubatan yang Perlu Dari Segi Rawatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi akan berdasarkan kepada kadar pertukaran rasmi yang berkuat kuasa pada hari terakhir di hospital tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.

* Hanya diguna pakai apabila anda telah membayar premium tambahan untuk Perlindungan Opsyenal Rawatan di Singapura.

6. Saya menyedari bahawa terdapat pilihan untuk melanjutkan perlindungan bagi rawatan di Singapura. Adakah saya perlu membayar premium tambahan untuk lanjutan ini?

Ya, lanjutan ini memerlukan anda untuk membayar premium tambahan. Premium tambahan yang akan dibayar adalah sebagai tambahan kepada premium asas yang dikenakan kepada anda berdasarkan Pelan yang anda telah pilih.

7. Jika saya memilih untuk mempunyai lanjutan ini, adakah ini bermakna bahawa saya boleh mendapatkan rawatan perubatan di Singapura?

Ya, selagi rawatan yang diterima dilindungi seperti di dalam terma-terma dan syarat Polisi.

8. Saya kini diinsuranskan di bawah produk ini, FlexiHealth. Semasa pembaharuan, adakah saya dibenarkan juga untuk memilih lanjutan bagi melindungi rawatan di Singapura?

Sudah tentu, tetapi ia adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu yang boleh diterima pakai.

9. Apakah itu Deduktibel?

Anda boleh memilih deduktibel untuk mendapatkan pengurangan dalam premium insurans. Deduktibel ialah amaun yang anda sanggup bayar. Contohnya, jika anda mempunyai bil perubatan berjumlah RM6,000 dan anda telah memilih deduktibel sebanyak RM2,500, anda akan menanggung RM2,500 dan MSIG akan membayar RM3,500 yang selebihnya. Deduktibel adalah dalam bentuk agregat dan boleh diguna pakai untuk kos perubatan yang memenuhi syarat dalam Seksyen 1 dan 2 sahaja. Anda boleh memilih peringkat deduktibel yang berbeza untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan.

10. Jika saya memilih untuk mengambil insurans ini bersama deduktibel, adakah deduktibel yang dipilih juga terpakai ke atas tuntutan yang ditanggung bagi rawatan di Singapura jika Polisi ini diperluaskan juga untuk rawatan di Singapura?

Ya, deduktibel akan terpakai sama ada rawatan di Malaysia atau Singapura.

11. Apa yang akan berlaku jika saya didiagnos dengan penyakit kritikal? Bagaimana pula jika saya telah memiliki polisi penyakit kritikal, termasuk Pelan Perlindungan Gaya Hidup Wanita MSIG?

Jika anda memilih perlindungan opsyenal penyakit kritikal, kami akan membayar anda sekaligus jika anda didiagnos menghadapi penyakit kritikal tertentu dan terus hidup lebih daripada 14 hari selepas didiagnos. Insurans FlexiHealth MSIG akan membayar sebagai tambahan kepada mana-mana polisi penyakit kritikal yang lain yang anda miliki.

12. Adakah terdapat tempoh menunggu?

Ya, Polisi ini mengecualikan rawatan perubatan untuk 30 hari pertama tempoh insurans, tetapi tiada tempoh menunggu dikenakan sekiranya anda dimasukkan ke hospital akibat kemalangan. Bagi Manfaat Kehamilan, tempoh menunggu adalah 365 hari.

13. Apakah implikasi yang dihadapi jika bertukar polisi daripada satu syarikat insurans kepada yang lain?

Salah satu kekurangan apabila berbuat demikian ialah, sekiranya tahap kesihatan semasa anda adalah kurang memuaskan pada penilaian syarikat insurans yang baru, maka anda akan dikenakan terma dan penafian baru. Anda juga perlu melalui tempoh penantian yang dikenakan sebelum membuat sebarang tuntutan.

14. Bolehkan saya membayar secara ansuran?

Premium boleh dibayar secara ansuran bulanan 6 bulan atau 12 bulan atau tahunan dengan kad kredit anda (Visa atau MasterCard untuk bank terpilih). Premium tahunan boleh juga dibayar melalui cek atau wang tunai.

15. Perlukah saya menjalani pemeriksaan kesihatan?

Laporan pemeriksaan kesihatan diperlukan jika anda mempunyai sejarah perubatan dan ia adalah di atas biayaan sendiri.

16. Bagaimanakah saya boleh membatalkan polisi saya?

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada Syarikat.

“Tempoh Bertenang” selama 15 hari diberi kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk menilai kesesuaian Insurans FlexiHealth MSIG yang baru dibeli. Jika Polisi itu dipulangkan kepada syarikat insurans dalam tempoh ini, premium penuh akan dibayar balik kepada Orang Yang Diinsuranskan ditolak perbelanjaan perubatan yang tertanggung, jika ada.

Jika Polisi dikembalikan kepada syarikat insurans selepas “Tempoh Bertenang”, anda berhak mendapatkan pulangan premium berdasarkan tempoh bayaran belum berakhir dengan syarat bahawa anda tidak membuat sebarang tuntutan ke atas Polisi.

17. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

Hanya hubungi mana-mana cawangan MSIG atau penasihat insurans anda secepat mungkin. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk Dokumen Polisi.

18. Bagaimanakah saya membuat permohonan untuk Polisi ini?

Hanya lengkapkan Borang Permohonan yang disertakan dan hantarkannya kepada kami.

19. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada alamat atau butiran peribadi saya?

Penting untuk anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan pada alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

20. Bagaimanakah saya mengemukakan aduan kalau saya tidak berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan?

Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan kami, atau anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran bagi sebarang penyelesaian terhadap tuntutan, anda boleh terlebih dahulu cuba menyelesaikan masalah aduan tersebut dengan mendapatkan bantuan daripada Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami.

Kalau anda masih tidak berpuas hati dengan keputusannya, anda boleh menulis kepada BNMLINK Bank Negara Malaysia atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)) untuk mendapatkan bantuan secara percuma.

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Pelan Insurans FlexiHealth. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Insurans FlexiHealth MSIG melindungi bayaran penghospitalan dan pembedahan yang ditanggung akibat kemalangan dan penyakit yang dilindungi oleh Polisi. Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih perlindungan opsyenal (manfaat penyakit kritikal dan/atau kehamilan). Selain itu, anda juga mempunyai pilihan untuk melanjutkan Polisi bagi menampung rawatan perubatan di Singapura.

Tambahan lagi, premium tahunan yang dibayar untuk insurans ini melayakkan anda mendapat pelepasan cukai perubatan sebanyak RM3,000 tertakluk kepada kelulusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri.

2. Apakah perlindungan/manfaat opsyenal yang tersedia?

Polisi ini mengandungi 4 pelan yang merangkumi manfaat-manfaat berikut dengan cara Bayaran/Penuh:

- Bilik Hospital dan Makan
- Caj Penjagaan Harian, sehingga 60 hari
- Unit Rawatan Rapi
- Bayaran Pembedahan, termasuk penilaian Pra-pembedahan lawatan pakar bedah dalam tempoh 30 atau 60 hari (tertakluk pada pelan) dan rawatan selepas pembedahan dalam tempoh 60 atau 90 hari (tertakluk pada pelan)
- Bayaran Pakar Bius
- Bilik Bedah
- Bekalan & Khidmat Hospital
- Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital
- Ujian Diagnostik/Rundingan Pakar Pra-Hospital dalam tempoh 30 atau 60 hari (tertakluk pada pelan) sebelum kemasukan hospital
- Rawatan Selepas Penghospitalan sehingga 60 atau 90 hari (tertakluk kepada pelan) selepas keluar dari hospital
- Bayaran Ambulans
- Pembedahan Harian
- Penjagaan di Rumah selepas Penghospitalan sehingga 26 minggu selepas keluar dari hospital
- Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan dan Kecemasan dalam jangka masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan dan rawatan susulan sehingga 60 atau 90 hari (tertakluk kepada pelan)
- Rawatan Pergigian Kecemasan Akibat Kemalangan dan Kecemasan dalam jangka masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan dan rawatan susulan sehingga 14 hari
- Rundingan Kedua Pakar (Tempatan sahaja*) dalam tempoh 30 atau 60 hari (tertakluk pada pelan) sebelum kemasukan hospital
- Rawatan Perubatan Alternatif Pesakit Luar bagi Kemalangan dan rawatan susulan sehingga 14 hari dari tarikh kemalangan dengan syarat rawatan pertama yang diterima adalah di hospital atau klinik berdaftar dalam jangka masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan
- Laporan Perubatan sehingga RM100
- Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan, sehingga 120 atau 150 hari (tertakluk kepada Pelan)
- Elaun Nutrisi, RM500 setiap kemasukan hospital sehingga RM2,000 setahun
- Elaun Penjagaan harian, RM50 setiap hari sehingga RM1,500 setahun
- Transplan Organ
- Rawatan Dialisis Buah Pinggang, Kanser dan Strok Pesakit Lua

Manfaat Opsyenal:

- Manfaat Penyakit Kritikal (8 jenis)
- Manfaat Kehamilan
- Rawatan di Singapura

*Tempatan termasuk Singapura di mana polisi ini dengan manfaat pilihan “Rawatan di Singapura”.

Sila rujuk kepada Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam risalah untuk maklumat lanjut.

Nota:

- Polisi boleh diperbaharui atas pilihan pemegang polisi tertakluk kepada terma, syarat dan penempatan pada setiap tarikh ulang tahun polisi.
- Sebarang penukaran terhadap manfaat dan premium boleh dilakukan pada ulang tahun Polisi atau semasa pembaharuan sahaja secara bertulis dalam masa 30 hari daripada Syarikat

Tempoh Perlindungan adalah selama 1 tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh bermulanya Polisi dengan membuat bayaran premium yang ditentukan oleh Syarikat pada hari pembaharuan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/ polisi/ produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapa premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar akan berbeza berdasarkan kepada keperluan taja jamin syarikat insurans:

- Premium ditetapkan adalah berdasarkan kepada usia anda (tahun kelahiran) semasa memohon dan jenis Pelan yang dipilih. Premium yang ditunjukkan adalah untuk penduduk Malaysia yang tinggal di Malaysia. Semasa pembaharuan, kadar premium akan dinaikkan sekiranya anda memasuki julat usia baharu.
- Premium mungkin dinaikkan bagi penduduk bukan warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia atau Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam pekerjaan atau sukan yang berbahaya, atau lokasi jauh di pedalaman, atau mempunyai masalah kesihatan.
- Premium tambahan akan dikenakan untuk manfaat pilihan.
- Premium pembaharuan yang perlu dibayar adalah tidak tetap dan Syarikat berhak untuk menentukan premium yang perlu dibayar khusus ke atas setiap Orang Yang Diinsuranskan semasa pembaharuan.
- Polisi perlu diperbaharui setiap tahun dan premium akan diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan pengalaman dan kenaikan dalam kos rawatan perubatan asas.

Sila rujuk kepada sebut harga yang diberikan untuk anggaran jumlah premium yang anda kena bayar.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Amaan</u>
• Cukai Perkhidmatan	• Tidak dikenakan untuk polisi Individu
• Komisen yang dibayar kepada Penasihat Insurans	• 8% dari premium untuk polisi Korporat
• Duti Setem	• 15% dari premium
	• RM10.00

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh Syarikat dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Pembayaran Sebelum Perlindungan** - Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar dan telah diterima oleh Syarikat.
- **Tempoh Bertenang** - Jika polisi ini dikeluarkan dan atas apa-apa alasan, Orang Yang Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan boleh mengembalikan Polisi ini kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh Orang Yang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh 15 hari dari tarikh penyerahan Polisi. Orang Yang Diinsuranskan itu layak menerima pulangan premium penuh yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh Syarikat yang mengeluarkan Polisi tersebut.
- **Tempoh Menunggu** - Kelayakan untuk manfaat bermula 30 hari selepas Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam Polisi, kecuali untuk kemalangan yang dilindungi yang berlaku selepas tarikh kuat kuasa perlindungan.
- **Penyakit Sedia Ada** - Hendaklah bermaksud hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Diinsuranskan. Orang Yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:-
 - a. Orang Yang Diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan;
 - b. Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
 - c. Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
 - d. Kewujudan dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.
- **Penyakit Tertentu** - Hendaklah bermaksud hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh 120 hari pertama Insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan:
 - a. Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit Kardiovaskular;
 - b. Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
 - c. Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
 - d. Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
 - e. Endometriosis termasuk penyakit sistem Pembiakan;
 - f. Gangguan tulang Spina Vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.
- **Prosedur Tuntutan** - Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dalam tempoh 30 hari Hilang Upaya yang melibatkan belanja boleh tuntutan, memberikan notis bertulis kepada kami dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Hilang Upaya bermula mengikut pendapat Pakar Perubatan dan rumusan kos rawatan oleh Pakar Perubatan termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan apa-apa tuntutan jika ditunjukkan tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat yang mungkin.
- Perlindungan itu akan terhenti pada tarikh tamat dan Kami bertegas tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tamat, kecuali ianya diperbaharui.

Nota: Maklumat ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Penyakit Sedia Ada.
- Penyakit Tertentu yang berlaku dalam 120 hari pertama perlindungan berterusan.
- Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terakhir, kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan. Bagi Manfaat Kehamilan Opsyenal, tempoh menunggu adalah 365 hari.
- Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- Jururawat Peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal dan posnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal dan kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan (kecuali didefinisikan di bawah Manfaat Kehamilan). Disfungsi Erektile atau penilaian dan rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
- Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat pencegahan atau ujian yang dilakukan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
- Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau tindakan penganas, bergiat cergas dalam angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropratik, akupunktur, akuteknanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain (kecuali didefinisikan di bawah Manfaat Rawatan Perubatan Alternatif Pesakit Luar akibat Kemalangan).
- Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- Kos/perbelanjaan bagi perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.

- Kesakitan atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan berlari dan berjalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak sah di sisi undang-undang.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Boleh saya membuat pembatalan polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis; dan dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam tahun polisi semasa, anda adalah berhak kepada pengembalian premium mengikut skala pengembalian premium seperti tertera di kontrak Polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu pihak syarikat sekiranya berlaku pertukaran alamat bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda.

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam pengambilan kerja, pekerjaan, tugas atau kegiatan oleh Orang Yang Diinsuranskan, atau sebarang perubahan yang boleh meningkatkan risiko polisi ini. Anda mungkin perlu membayar premium tambahan disebabkan oleh perubahan tersebut.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* "Insurans Perubatan dan Kesihatan", yang boleh didapati di mana-mana cawangan MSIG atau anda boleh mendapat salinan daripada penasihat insurans atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Pusat Khidmat Pelanggan:
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2050 8228
Faks: (603) 2026 8086
Talian Khidmat Pelanggan: 1800-88-MSIG (6744)
Emel: myMSIG@my.msig-asia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans perubatan dan kesihatan yang disediakan:

- Insurans Penjagaan Kesihatan Antarabangsa
- Insurans MediCare Pendidikan
- Insurans Perlindungan Gaya Hidup Wanita

NOTA PENTING: ANDA HARUS MEMUASKAN HATI ANDA BAHAWA POLISI INI ADALAH TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 1 Januari 2025.

Notes

Notes

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre,
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur
T (603) 2050 8228
F (603) 2026 8086

Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
E myMSIG@my.msig-asia.com
W www.msig.com.my

KUALA LUMPUR

Customer Service Centre,
Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur
T (603) 2050 8228, **F** (603) 2026 8086

ALOR SETAR

1st Floor, No. 169,
Susuran Sultan Abdul Hamid 11,
Kompleks Perniagaan Sultan Abdul
Hamid Fasa 2, 05050 Alor Setar, Kedah
T (604) 772 2266, **F** (604) 772 2255

BATU PAHAT

No. 31A & 32A, Jalan Kundang,
Taman Bukit Pasir,
83000 Batu Pahat, Johor
T (607) 433 6808, **F** (607) 433 7808

IPOH

Lots A-01-10, A-01-12, A-01-14 & A-01-16,
1st Floor, Wisma MFCB,
Greentown Business Centre, No. 1,
Persiaran Greentown 2, 30450 Ipoh, Perak
T (605) 255 1319, **F** (605) 253 7979

JOHOR BAHRU

Suite 21-01, Level 21, Menara Jland,
Johor Bahru City Centre (JBCC),
Jalan Tun Abdul Razak,
80888 Ibrahim International Business District,
Johor
T (607) 208 7800, **F** (607) 276 3800

KLANG

1st Floor, No. 1, Lorong Tiara 1B,
Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor
T (603) 3343 6691, **F** (603) 3342 2571

KLUANG

1st Floor, No. 7, Bangunan HLA,
Jalan Yayasan, 86000 Kluang, Johor
T (607) 772 6501/774 5701
F (607) 774 5702

KOTA BHARU

3826, 1st Floor, Jalan Hamzah,
15050 Kota Bharu, Kelantan
T (609) 748 1280, **F** (609) 748 3509

KUANTAN

No. A-43, A-45 & A-47,
Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2,
25000 Kuantan, Pahang
T (609) 515 7501, **F** (609) 515 7502

MELAKA

1st & 2nd Floor,
No. 777, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka
T (606) 289 4333, **F** (606) 289 4222

PENANG

Level 15, Hunza Tower,
No. 163E, Jalan Kelawei, 10250 Penang
T (604) 219 0800, **F** (604) 219 0999

PETALING JAYA

Units 9-3 & 11-3, Block A, Jaya One,
No. 72A, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor
T (603) 7954 4208, **F** (603) 7954 4202

SEREMBAN

No. 41-G & 41-1,
Jalan KS 3, Kepayang Sentral 2,
70200 Seremban, Negeri Sembilan
T (606) 601 3501, **F** (606) 601 3503

SUNGAI PETANI

1st Floor, 9C, Jalan Kampung Baru,
08000 Sungai Petani, Kedah
T (604) 424 4180, **F** (604) 423 4513

KOTA KINABALU

Suite 6.02 & 6.03, Level 6, Plaza Shell,
No. 29, Jalan Tunku Abdul Rahman,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
T (6088) 301 030, **F** (6088) 301 110

KUCHING

22 & 22A, Jalan Rubber,
Lots 344 & 345, Section 9,
93400 Kuching, Sarawak
T (6082) 255 901/259 204
F (6082) 427 612

MIRI

Unit No. D-2-17, Block D, Miri Times Square,
Marina ParkCity, Jalan Bendahara,
98000 Miri, Sarawak
T (6085) 434 890, **F** (6085) 419 002

SANDAKAN

1st Floor, Block 18,
Lots 1 & 2, Bandar Indah, Mile 4,
North Road, 90000 Sandakan, Sabah
T (6089) 217 388, **F** (6089) 215 388

SIBU

1st Floor, No. 65, Jalan Kampong Nyabor,
96000 Sibu, Sarawak
T (6084) 323 890/347 008
F (6084) 314 558

TAWAU

1st Floor, Block 42, TB 330A,
Fajar Complex, 91000 Tawau, Sabah
T (6089) 771 051, **F** (6089) 764 079

For more information, please call MSIG
or contact your Insurance Adviser at: